



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“FIQH DAN PROKLAMASI DARURAT”

Tarikh Dibaca :

**16 JAMADIL AKHIR 1442H/
29 JANUARI 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“FIQH DAN PROKLAMASI DARURAT”

16 JAMADIL AKHIR 1442H / 29 JANUARI 2021

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ. قَالَ تَعَالَى (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَى ءَأْمَنُوا
وَأَتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا
كَانُوا يَكْسِبُونَ ٩٦ (الأعراف 96)

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khutbah pada hari ini bertajuk “**Fiqh dan Proklamasi Darurat**”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Peningkatan kes Covid-19 secara mendadak di Malaysia pada pertengahan bulan Januari 2021 telah mendapat perhatian serius pihak kerajaan pusat. Hal ini menyebabkan kerajaan terpaksa melakukan satu keputusan yang amat penting lagi sukar iaitu memproklamasikan Ordinan Darurat pada 14 Januari 2021 selaras dengan keperluan-keperluan semasa.

Walaupun berat, namun keputusan ini menurut pertimbangan kerajaan amat perlu kerana penularan pandemik Virus Covid-19 ini dibimbangi akan memberi impak yang sangat besar terhadap sektor ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya. Malah apa yang merisaukan, jika peningkatan terus berlaku, kualiti kehidupan rakyat akan terjejas dan merosot.

Darurat yang dimaksudkan bukanlah rampasan kuasa ketenteraan tetapi suatu pengisytiharan kerajaan yang lazimnya menggantungkan fungsi-fungsi biasa tertentu dalam kerajaan, mengingatkan rakyat agar mengubah tabiat biasa mereka, atau mengarahkan agensi kerajaan untuk melaksanakan rancangan persediaan darurat. Dengan itu, kerajaan dapat segera bertindak melandaikan kes sekaligus mengekang pandemik Covid-19. Ini membolehkan kerajaan memudah cara dan memperkasa segala tindakan dalam mengawal virus dengan membuat ordinan baharu tanpa perlu melalui proses penggubalan undang-undang di Parlimen yang memakan masa.

Pada masa sama, kerajaan awam terus berfungsi seperti biasa di peringkat persekutuan dan negeri sepanjang tempoh pelaksanaan darurat ini tanpa sebarang gangguan. Sebagai muslim, kita perlu bersabar dan terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Baqarah, ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالشَّمَرَاتِ ۗ

وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ۝١٥٥

Maksudnya: “Dan sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Menekuni situasi ini, satu muktamar yang menghimpunkan para ulama dunia Islam dalam pelbagai disiplin ilmu seperti Syariah dan disiplin ilmu yang lain termasuk bidang kesihatan yang diadakan pada 22 Julai 2020 di Makkah telah mencapai kesepakatan dan bersetuju memperkenalkan Fiqh Kecemasan atau *Fiqh al-Towari'* (فِقْهُ الطَّوَارِئِ). Fiqh ini memberi panduan kepada masyarakat Islam bagaimana untuk menghadapi situasi cemas yang diakibatkan oleh pandemik Virus Covid-19.

Ekoran daripada itu, beberapa S.O.P yang berkaitan dengan ibadah seperti Haji, Umrah, Solat Jumaat, Solat Jemaah dan sebagainya telah dikeluarkan. Yang jelas, pelaksanaan Undang-Undang Darurat atau Ahkam al-Towari' ini menjadi suatu keperluan di sesetengah negara demi kemaslahatan rakyat dalam kerangka Maqasid al-Syariah, iaitu untuk memelihara keselamatan nyawa selaras dengan kaedah Fiqh yang menyatakan:

الضَّرُورَاتُ تُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا

Maksudnya: *Situasi darurat itu dinilai mengikut keperluannya*

Berdasarkan pernyataan ini, dapatlah kita menolak kemudaratan itu untuk suatu tempoh tertentu dan ia akan dinilai semula dari sudut Fiqh Keutamaan, Kemaslahatan dan Kemudaratan oleh panel bebas dari semasa ke semasa. Sesungguhnya, Islam sentiasa meletakkan neraca dan pertimbangan yang khusus dalam membuat dan melaksanakan sebarang polisi.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, mimbar menyeru kepada sidang jemaah sekalian, marilah kita insafi situasi darurat ini dengan membetulkan keyakinan kita sepenuhnya kepada

kekuasaan Allah SWT dan berlapang dada dengan keputusan *Ulil Amri* atau kepimpinan kita yang diambil secara *musyawarah* sama ada dalam isu darurat dan segala ijhtihad berkaitan garis panduan yang telah digubal. Semoga dengan itu kehidupan kita lebih selamat dan kemakmuran negara terus diberkati oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۚ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ۚ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَب ۚ

Maksudnya: “Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain), Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini).” (Surah al-Syarah ayat 5 – 8)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكذلكَ كباوه دُولِي بِيحَ مَها مُوليا سَري فِدوك بَكيندا راج فرمايسوري انكوغ،
تُونكو (Tunku) حَاجه عَزِيزَة أَمِينَة مَيْمُونَة إِسكَندَرِيَة بِنْتِ المَرحُومِ المَتوَكَّلِ عَلى
اللَّهِ سُلطانِ إِسكَندَرِ الحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَماءَهُ ووزراءَهُ وَقُضاتَهُ وَعَمالَهُ وِرعَياهُ مِنَ المُؤمِنينَ وَ المُؤمِناتِ
بِرَحمتِكَ يا أرحَمَ الرَّاحِمينَ .

اللَّهُمَّ اجعَلْ بَلَدنا مالِيزِيا آمِناً مُطمِئناً، سَخاءَ رِخاءَ، دارَ عَدلٍ وإِيمانٍ، وَأَمِنٍ وَأَمانٍ،
وَسائِرِ بِلادِ المُسَلِمينَ .

اللَّهُمَّ أعزِّ الإسلامَ وَالمُسلِمينَ ، ودمِّرْ أعداءَكَ أعداءَ الدِّينِ وانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخذَلْ مَنْ خذَلَ المُسَلِمينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلى يَومِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا البَلاءَ وَالغَلاءَ وَالوَباءَ وَالفَحشاءَ وَالْمُنكَرَ وَالْمُحَنَ وَالْفِتَنَ، ما ظَهَرَ مِنْها
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدنا هَذا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلدانِ المُسَلِمينَ عَامةً، إِنَّكَ عَلى كُلِّ شَئٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعوذُ بِكَ مِنَ البَرصِ، وَالجُنونِ، وَالجُدامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الأَسقامِ، يا
أرحَمَ الرَّاحِمينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبِّنا آتِنا فِي الدُّنْيا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنا عَذابَ النَّارِ.
عِبادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾^{١٠}
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.